



EL-WAZIF

e-Buletin



Bil 3/Mei 2021

Koordinator Dan Seluruh Jawatankuasa El-Wazif
Mengucapkan

Selamat Hari Raya Aidulfitri 1442H



Sumbangan Berbuka Puasa

Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) sumbang 250 paket makanan pada pelajar - 02.

Sumbangan Zakat KKUiTM Bhd

Manfaat kepada asnaf dari kalangan pelajar & kakitangan UiTM Cawangan Melaka - 02.

Webinar Filantropi- Siri 2

Mengetengah tajuk berkenaan peranan teknologi dalam kutipan/agihan zakat - 03.

Unit Wakaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF) UiTM Cawangan Melaka

Merupakan sebuah unit yang ditubuhkan dan diletakkan di bawah kawal selia Rektor UiTM Cawangan Melaka dan telah memulakan aktiviti secara rasmi pada Disember 2019.

Sistem E-Zakat Kini Dilaksana

UiTM Cawangan Melaka kini laksanakan sistem E-Zakat - 04.



250 Pek Juadah Berbuka Puasa

Jaga Kebajikan Pelajar di Kolej Kediaman

Penyampaian sumbangan berupa 250 pek makanan berbuka puasa kepada pelajar-pelajar Kolej Kediaman melalui Koordinator El-Wazif di Masjid Al-Hikmah, UiTM Caw. Melaka pada 6 Mei yang lalu.

Sumbangan ditaja oleh Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA). Sumbangan ini diserahkan sendiri oleh En Zulhilmi, Pengurus PEMBINA cawangan Alor Gajah, Melaka.

Terdapat para pelajar yang masih berada di kolej kediamaan semasa musim pandemik melanda pada ketika ini. Justeru, pergerakan mereka agak terbatas. Sumbangan seperti ini sememangnya memberi impak yang besar kepada para pelajar ini.

Terima kasih diucapkan kepada PEMBINA di atas sumbangan yang telah diberikan.

Kenali PEMBINA. Layari <https://pembina.com.my/>

*Sumbangan
Wakaf Dusun
Ilmu Sehingga
April 2021 -
Jumlah
Terkumpul
RM34,022.00*





Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat

ALOR GAJAH, 29 April 2021 - Telah berlangsung majlis penyerahan sumbangan zakat daripada Kooperasi Kakitangan UiTM Bhd (KKUITM Bhd) kepada kepada asnaf miskin dari kalangan pelajar-pelajar UiTM Cawangan Melaka.

Dalam majlis yang diadakan secara ringkas ini, pihak KKUITM Bhd telah menyalurkan RM5,000.00 zakat untuk manfaat pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Melaka, khusus dari kalangan keluarga B40.

KKUiTM Bhd juga turut menyumbang sebanyak RM500.00 untuk projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Cawangan Melaka, yg diterima melalui koordinator EL-WAZIF, UiTM Cawangan Melaka.

Organisasi Libatkan Zakat Perlu Seiring Inovasi & Teknologi

Peranan Teknologi Dalam Kutipan/Agihan Zakat

28 Mei 2021 - Telah diadakan satu sesi webinar bersama pakar-pakar dari dalam dan luar UiTM. Mengetengahkan topik yang menarik iaitu peranan teknologi dalam kutipan dan agihan zakat.

Seramai hampir 300 orang yang menonton webinar ini secara langsung melalui laman Youtube Rasmi UiTM Cawangan Melaka. Kini, kaedah kutipan dan agihan zakat dapat diperkemas melalui teknologi yang ada. Ianya mampu menarik lebih ramai penyumbang zakat serta memperluas agihan. Bagi yang terlepas, boleh tonton di youtube berkenaan.

WEBINAR FILANTROPI
SIRI 2
PERANAN TEKNOLOGI DALAM KUTIPAN/AGIHAN ZAKAT
Anjuran Unit EL-WAZIF dengan kerjasama CIPSF & AZKA-PPZ
28 Mei 2021 | 10:00 ~ 11:00 pagi

PANEL 1: EN. MOHAMAD NOOR SAHIDI JOHARI, Pengurus Kanan Akademik Zakat Pusat Pungutan Zakat Selangor

PANEL 2: USTAZ NOORZAKRY NOR JAMAL, Ketua Penolong Pengarah Media & Teknologi Zakat Melaka

PANEL 3: PROF MADYA DR S SALAHUDIN SUYURNO, Timbalan Pengarah CIPSF & Ketua Pusat Pengajaran ACIS UiTM Caw. Melaka

MODERATOR: DR AZHANA OTHMAN, Timbalan Pengarah Unit Pembangunan, Governance & Jaringan CIPSF UiTM Caw. Melaka

Diharapkan dengan sumbangan yang diberikan, dapat meringankan bebanan yang digalas para pelajar serta kakitangan warga UiTM Cawangan Melaka. Selain dari zakat, terdapat pelbagai sumbangan lain yang boleh disalurkan seperti waqaf dan infaq. Terima kasih diucapkan.

Maklumat lanjut tentang KKUiTM Bhd, layari <http://www.uitmkoop.my/>



MUAZ HJ MOHD NOOR

Perkemas Proses Permohonan Zakat Pelajar

UiTM Cawangan Melaka kali pertama laksana sistem E-Zakat UiTM - Mudah, Pantas, sistematik.

Kini para pelajar boleh terus memohon zakat melalui sistem yang dipanggil E-Zakat. Pelajar tidak lagi perlu memohon zakat secara manual.

Aplikasi yang boleh dilawati melalui portal rasmi Hal Ehwal Pelajar (HEP) ini telah dibangunkan oleh UiTM Shah Alam.

Sebelum perlaksanaan E-Zakat ini, satu taklimat khas dan mesyuarat yang dihadiri oleh koordinator El-Wazif serta penyelaras zakat setiap kampus telah diadakan. Turut sama ialah pegawai HEP bagi ketiga-tiga kampus, iaitu Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Jasin.

Sebagai makluman, iklan permohonan zakat semester ini telah pun ditutup pada 17 Mei 2021 yang lalu. Seramai lebih 400 pelajar diploma UiTM Melaka bagi ketiga-tiga kampus telah memohon setakat ini. Proses temuduga terhadap pemohon akan bermula pada 24 Mei ini sehingga 6 Jun, melalui pelantar di atas talian, seperti Google meet, panggilan video atau telefon.

Semoga dengan perlaksanaan sistem ini dapat memperkemas serta memudahkan lagi proses agihan zakat di kalangan pelajar UiTM Cawangan Melaka.



EL-WAZIF BERSOLIDARITI

BERSAMA PALESTIN

#Aid4Palestine

SALURKAN BANTUAN ANDA KEPADA
MUSLIM CARE MALAYSIA

Maybank 5644-9021-1159

CAKNA PALESTIN

Maybank 5530-3803-3881

TABUNG PALESTIN-AMAL MALAYSIA
BANK ISLAM 1305-3010-0064-74